Kenaikan gaji minimum ambil kira inflasi, ekonomi

PUTRAJAYA: Kadar gaji minimum disemak secara berkala selaras dengan pertumbuhan ekonomi, keadaan inflasi dan komitmen kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, semakan kadar gaji minimum perlu dilaksanakan secara berkala dalam memastikan peningkatan pendapatan pekerja bergerak seiring dengan perkembangan ekonomi.

Katanya, aspek inflasi turut perlu diberi perhatian kerana peningkatan gaji perlu mengambil kira kos sara hidup bagi memastikan pertumbuhan pendapatan memberi pulangan yang sewajarnya kepada rakyat.

"Komitmen dari segi pelaksanaan gaji minimum, semakan itu dibuat secara berkala dan sudah pasti ruang yang ada ini dalam keadaan pertumbuhan ekonomi itu berlaku dengan baik.

"Pada masa yang sama, kita kena bergerak seiring dengan juga apa komitmen yang dinyatakan dalam RMK13," katanya ketika ditemui selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Ekonomi semalam.

Menurut Akmal Nasrullah, pertumbuhan gaji perlu dilihat bersama kadar inflasi supaya peningkatan pendapatan tidak terhakis akibat kenaikan kos sara hidup.

Katanya, malah bacaan berkenaan perlu diteliti bersama inflasi bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai pertumbuhan pendapatan pekerja walaupun gaji median meningkat pada 2025.

"Gaji median sekitar RM2,940, tetapi sudah pasti bacaan itu juga kita kena teliti secara bersama dalam soal kos sara hidup termasuk inflasi," katanya.

Menurutnya, kadar inflasi yang tidak terkawal boleh menjejaskan manfaat daripada peningkatan gaji yang diterima pekerja.

"Kita masih berpegang kepada sasaran seperti mana yang Bank Negara nyatakan untuk tahun 2026, inflasi itu dijangka sekitar 1.5 hingga 2.5 peratus," katanya.